

**MINIT MESYUARAT
PENYELARASAN PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI
BIL. 1/2024BIL. 1/2024**

Tarikh: 27 Mac 2024
Masa: 9.00 pagi
Tempat: Perpustakaan IAB/ Dalam Talian

BIL.	MUKA SURAT	PARA	PERKARA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
1	7	3.1	3.1 Pertukaran Staf Perpustakaan IABCGH Puan Wan Noasne binti Wan Mustaffa, Pembantu Pustakawan, IABCGH memaklumkan 3 Pembantu Perpustakaan IABCGH telah berkhidmat melebihi 10 tahun di situ. Permohonan pertukaran telah dibuat tetapi masih belum menerima maklum balas daripada PNM. Pustakawan Kanan IAB Induk akan memanjangkan perkara ini ke pengetahuan pihak berkenaan di PNM.	Pustakawan Kanan	Mengenai permohonan pertukaran staf di IABCGH, Pustakawan dimaklumkan oleh BPSM PNM pertukaran akan dibuat selepas Hari Raya Aidilfitri melibatkan Zon Pahang, Terengganu dan Kelantan.
2	7	3.2	3.2 Perjawatan di Perpustakaan IABCGH Puan Wan Noasne binti Wan Mustaffa memaklumkan bahawa tugas di IABCGH terlalu berat dan meminta tambahan perjawatan pegawai sekurang-kurangnya Penolong Pustakawan Gred S29. Pustakawan Kanan IAB Induk akan	Pustakawan Kanan	Pustakawan telah bertanyakan mengenai perkara ini kepada BPSM PNM. Dimaklumkan permohonan hendaklah dimohon dahulu kepada KPM. Seterusnya setelah mendapat kelulusan JPA barulah dihantar ke PNM untuk pengisian jawatan.

			membawa perkara ini ke pengetahuan pihak berkenaan di PNM		
LAPORAN LAWATAN KHIDMAT NASIHAT (LKN) BERSEMUKA 2022 BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN (BKNP) PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) KE PERPUSTAKAAN IABCGH PADA 3 JUN 2022 (JUMAAT) 9.30 PAGI – 12.00 TENGAH HARI					
1.	Pegawai BKNP diwakili oleh 3 orang pegawai iaitu Puan Wan Nur Azma binti Wan Asik, Penolong Pengarah Kanan S44, Encik Subramaniam a/l Kuppusamy, Penolong Pustakawan Kanan S38 dan Cik Khairul Asma binti Ghani, Penolong Pustakawan S29.				
2.	Pegawai Perpustakaan IABCGH diwakili oleh 4 orang pegawai iaitu Puan Jamilah binti Jaafar, Pensyarah Kanan DG52, Puan Wan Noasne binti Wan Mustafa, Pembantu Pustakawan S19, Encik Tuan Mohd Hafizi bin Tuan Hussin, Pembantu Pustakawan S19 dan Encik Muhammad Azlan bin Yaacob, Pembantu Pustakawan S19				
3.	Perbincangan bersama Penyelia dan Pembantu Pustakawan dibuat secara bersemuka dan dua hala berkaitan perkhidmatan Perpustakaan IABCGH serta berkongsi idea dalam memantapkan lagi perkhidmatan perpustakaan yang lebih efisien.				
4.	Borang Senarai Semak dijadikan sebagai satu wahana dalam menghasilkan laporan lawatan khidmat nasihat ke Perpustakaan IABCGH.				
5.	Pegawai BKNP akan membuat laporan kepada Timbalan Pengarah BKNP dan Pengarah PIM berdasarkan perbincangan serta mengemukakan syor/cadangan penambahbaikan kepada perkhidmatan perpustakaan.				
6.	Pegawai PNM dimaklumkan: a) Perpustakaan IABCGH kini ditadbir urus oleh Puan Wan Noasne binti Wan Mustafa, Pembantu Pustakawan S19, Encik Tuan Mohd Hafizi bin Tuan Hussin, Pembantu Pustakawan S19 dan Encik Muhammad Azlan bin Yaacob, Pembantu Pustakawan S19 serta diselia oleh Puan Jamilah bin Jaafar, Pensyarah Kanan DG52 mulai 1 Januari 2022. b) Perpustakaan IABCGH ditempatkan di Aras Tiga, Menara IABCGH. Perpustakaan di Aras Tiga berkeluasan sebanyak 1015.99 meter persegi/10,932.05 kaki persegi manakala bagi Aras Empat adalah seluas 850.62 meter persegi/9,152.27 kaki				

persegi. Jumlah keluasan sepenuhnya adalah sebanyak 1,866.61 meter persegi/20,084.72 kaki persegi

- c) Jumlah bahan bercetak di perpustakaan pada tahun 2022 adalah sebanyak 33,321 judul/51,615 buah naskhah.
- d) Kaedah pendokumentasian bahan adalah mengunapakai sistem pengkelasan Dewey Decimal Classification (DDC) manakala sistem perpustakaan adalah mengunapakai sistem KOHA.
- e) Perkhidmatan perpustakaan dibuka dari hari Isnin hingga Jumaat pada setiap minggu. Perkhidmatan perpustakaan ditutup pada hari Sabtu dan Ahad serta hari kelepasan am.
- f) Ahli perpustakaan dibenarkan untuk meminjam sebanyak tujuh (7) buah naskhah bahan perpustakaan untuk tempoh selama empat (4) minggu.
- g) Perpustakaan IABCGH menyediakan perkhidmatan kepada 167 orang kakitangan.
- h) Kemudahan prasarana perpustakaan lengkap dengan peralatan seperti berikut :
 - i. 160 buah kerusi
 - ii. 54 buah meja
 - iii. 66 buah rak buku
 - iv. 47 unit troli buku
 - v. Satu (1) rak surat khabar
 - vi. Dua (2) rak majalah
 - vii. Satu (1) kaunter pertanyaan
 - viii. Satu (1) Set sofa
 - ix. Satu (1) set kabinet beserta televisyen
 - x. Lima (5) unit komputer untuk kegunaan pengguna
 - xi. Empat (4) unit komputer untuk kakitangan perpustakaan
 - xii. Satu (1) unit mesin pencetak
- i) Perkhidmatan perpustakaan yang disediakan adalah seperti berikut :

	i. Sirkulasi (Peminjaman dan Pemulangan) ii. Rujukan iii. Perkhidmatan atas talian j) Perpustakaan IABCGH berjaya melaksanakan program dalaman Jabatan sepanjang tahun 2021 seperti berikut : i. Pameran bahan terkini di ruang perpustakaan ii. Program Jom Baca Selama 10 Minit k) Kakitangan perpustakaan juga terlibat dalam pelbagai program luaran Jabatan sepanjang tahun 2021 seperti berikut : i. Ahli jawatankuasa Seminar Nasional ii. Ahli jawatankuasa Perhimpuan Bulanan iii. Ahli jawatankuasa BAKIB dan PUSPANITA iv. Program kerjasama dengan Pertubuhan DANA KITA v. Ahli jawatankuasa One Stop Centre (1SIC) l) Pegawai PNM telah menghantar senarai semak cadangan penambahbaikan (QuickWin) melalui e-mel ke perpustakaan pada 21 Jun 2022 dan menerima semula maklumbalas dari perpustakaan pada 22 Jun 2022
--	--